

**Kuantan**

## **Kebolehpasaran siswazah UMP melepas 95 peratus**

Kadar kebolehpasaran siswazah lepasan Universiti Malaysia Pahang (UMP) melepas 95 peratus tahun ini berikutan hasil usaha berterusan melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri.

Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, usaha berterusan pihaknya menjadikan UMP antara universiti terbaik di rantau Asia menyebabkan majikan lebih yakin memilih

graduan UMP bagi bekerja dengan mereka.

“Kebolehpasaran graduan lepasan UMP melepas 95 peratus dan tenaga akademiknya menghasilkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berimpak tinggi turut menjadikan universiti ini antara terbaik di rantau Asia,” katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor 2019 di Kompleks Sukan UMP, di sini semalam.